



**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Bilangan 11/2022**

PENYENGGARAAN LOT DIGITAL DI PEJABAT TANAH

**Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Kementerian Tenaga dan Sumber Asli
Putrajaya
2022**

© Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, 2022

Hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau dihantar dalam sebarang bentuk atau apa jua cara sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat keizinan terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.

Maklumat Dokumen

Tajuk dokumen	Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan Bilangan 11/2022
Disediakan oleh	Bahagian Dasar dan Konsultasi, Sektor Kemajuan Pengurusan dan Perundangan, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Alamat	Aras 3, Wisma Sumber Asli, No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62574 Putrajaya.
Telefon	03-8871 2669
Faks	03-8881 0802
E-mel	bdk@jkptg.gov.my
Kategori dokumen	Terbuka
Tarikh kuat kuasa	

Kawalan Versi Dokumen

Versi	Tarikh	Ringkasan Pindaan

PEKELILING KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN BILANGAN 11/2022

Penyenggaraan Lot Digital di Pejabat Tanah

TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk menasihati Pentadbir Tanah berhubung keperluan untuk menyenggara dengan teratur lot-lot digital yang dibekalkan oleh Jabatan Pemetaan dan Ukur Malaysia (JUPEM) kepada Pejabat Tanah.

PERKARA-PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN

2. Adalah dinasihatkan supaya setiap pejabat tanah dengan sebaik mungkin menyediakan satu pangkalan data untuk menyimpan maklumat lot digital yang mengandungi maklumat berikut:-

- (a) menunjukkan lot-lot (tanah-tanah yang telah diukur); dan
- (b) menanda sempadan-sempadan tanah seperti yang ditunjukkan di dalam pelan yang telah dikemukakan untuk tujuan permohonan pelupusan tanah atau pembangunan tanah.

3. Pentadbir Tanah boleh mengarahkan supaya satu salinan keras (*hardcopy*) semua salinan pelan disediakan bagi memudahkan Penolong Pegawai Tanah dalam urusan pengesanan sempadan-sempadan tanah.

4. Lot digital di Pejabat Tanah hendaklah sentiasa mengandungi maklumat-maklumat yang dikemas kini secara berkala bagi memastikan kejituannya. Apabila maklumat lot digital diterima daripada JUPEM, sempadan-sempadan lot baru perlulah dikemas kini dalam pangkalan data Pejabat Tanah dengan secepat mungkin. Sempadan-sempadan tanah yang ditunjukkan dalam pelan yang dikemukakan bersama permohonan pelupusan tanah atau pembangunan tanah hendaklah dicatatkan ke dalam lot digital dan lembaran yang disimpan di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian serta Pejabat Tanah.

5. Lot digital yang mempunyai maklumat mengenai lot-lot tanah yang telah diukur seperti di perenggan 2(a) di atas perlu tepat dan jitu kerana maklumat ini akan digunakan oleh pelanggan pentadbiran tanah untuk tujuan pemeriksaan dan pembelian pelan secara salinan keras (*hardcopy*). Maklumat sempadan seperti di perenggan 2(b) perlu sentiasa dipantau dan dikemas kini bagi membantu Pentadbir Tanah dalam menyediakan ulasan dan sokongan permohonan semasa penyediaan kertas pertimbangan kepada Pihak Berkuasa Negeri. Maklumat ini tidak boleh diberikan kepada pelanggan pentadbiran tanah kerana ia bersifat rahsia dan perlu dikawal penyebaran maklumat tersebut selaras dengan seksyen 19 Kanun Tanah Negara [Akte 828].

6. Adalah dinasihatkan kepada Pentadbir Tanah untuk melantik seorang pegawai bagi memastikan urusan-urusan penyelenggaraan lot digital seperti berikut dilaksanakan secara teratur:-

- (a) menjamin keselamatan dan ketepatan lot digital;
- (b) menyelia pelukis-pelukis pelan dalam mengemas kini lot digital mengikut arahan-arahan kerja yang diterima bagi menjamin mutu kerja dan ketepatan lot digital; dan
- (c) menyelia dan memberikan perkhidmatan-perkhidmatan kepada orang awam dalam pemeriksaan dan pembelian pelan-pelan salinan keras (*hardcopy*) daripada lot digital.


7. Pentadbir Tanah adalah dinasihatkan untuk menyimpan semua lembaran-lembaran litho yang lama sebagai bahan-bahan rujukan dan semua maklumat yang wujud dalam lembaran litho tersebut telah dikemas kini dalam lot digital Pejabat Tanah.

PEMBATALAN

8. Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bilangan 13 Tahun 1977 (Disemak 2009) bertajuk Penyelenggaraan Lembaran Lito (*Litho Sheet*) Di Pejabat Tanah (Disemak 2009) dengan ini adalah dibatalkan.

PEMAKAIAN DAN TARIKH KUAT KUASA

9. Pekeliling ini dikeluarkan dengan persetujuan semua Pengarah Tanah dan Galian Negeri dan berkuat kuasa pada tarikh Pekeliling ini ditandatangani oleh Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.



(DATUK MUHAMMAD AZMI BIN MOHD ZAIN)
KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN

No. Fail : JKPTG.BDK.100-1/3/1

Tarikh : 31. 5. 2022